



Bank Pilihan Anda

KEMPEN iRAKYAT DUIT RAYA 2026

TERMA DAN SYARAT

A. SYARAT PENYERTAAN DAN MEKANISME KEMPEN

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada Bank Rakyat termasuk warga kerja Bank Rakyat.
2. Mekanisme penyertaan kempen:
 - a. Pelanggan mestilah merupakan pengguna berdaftar iRakyat dan aplikasi perbankan mudah alih iRakyat.
 - b. Pelanggan baharu dikehendaki mendaftar dan mengaktifkan perbankan mudah alih iRakyat mereka dalam tempoh kempen.
 - c. Pelanggan perlu melakukan **minimum sembilan puluh (90)** transaksi menggunakan **DuitNow QR atau Pindahan DuitNow** melalui laman web iRakyat **atau** aplikasi perbankan mudah alih iRakyat untuk layak memenangi hadiah utama yang ditawarkan.
 - d. Pelanggan perlu melakukan **minimum sepuluh (10)** transaksi menggunakan **DuitNow QR atau Pindahan DuitNow** melalui laman web iRakyat **atau** aplikasi perbankan mudah alih iRakyat untuk layak memenangi hadiah saguhati yang ditawarkan.
 - e. Jumlah minimum bagi setiap transaksi adalah **RM10.00**.
 - f. Penyertaan adalah secara automatik apabila pelanggan telah memenuhi jumlah minimum transaksi seperti yang dinyatakan di atas.
3. Dengan mengambil bahagian dalam kempen ini, pelanggan adalah: -
 - a. Tertakluk pada Terma dan Syarat yang terkandung di sini, Terma dan Syarat lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa, Terma dan Syarat bagi perbankan internet (laman sesawang iRakyat) serta aplikasi perbankan internet iRakyat. Sila rujuk laman sesawang iRakyat di www.irakyat.com.my untuk maklumat lanjut.
 - b. Bersetuju bahawa pelanggan telah membaca, memahami dan dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.

B. TEMPOH KEMPEN

1. Tempoh kempen bermula dari **14 Mac 2026 sehingga 19 April 2026**.
2. Sebarang pendaftaran dan transaksi yang dilakukan melebihi tempoh kempen tidak akan dikira sebagai penyertaan.
3. Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tarikh dan tempoh kempen sekiranya perlu.

C. HADIAH KEMPEN

1. Hadiah kempen yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Keterangan	Jumlah
<u>Hadiah Utama:</u> Pertama – RM 2,000 x 1 Pemenang Kedua – RM 1,500 x 1 Pemenang Ketiga – RM 1,000 x 1 Pemenang <u>Hadiah Sagu Hati:</u> RM100 x 100 Pemenang	 RM14,500.00

2. Hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) atau Akaun Pelaburan-i Bank Rakyat milik pemenang dalam tempoh **enam puluh (60) hari** selepas pengumuman dan pengesahan pemenang dilakukan dengan cara yang dirasakan sesuai oleh Bank Rakyat.
3. Hadiah yang ditawarkan tidak boleh dipindah milik atau dituntut oleh pihak ketiga.
4. Bank Rakyat boleh menggantikan hadiah sedia ada dengan hadiah lain yang setimpal (sekiranya perlu) dengan memaparkan notis di laman sesawang Bank Rakyat.

D. PEMILIHAN PEMENANG

1. Pemilihan pemenang akan dilaksanakan selepas tempoh kempen tamat.
2. Pemilihan pemenang bagi hadiah utama dan hadiah sagu hati akan dilakukan secara rawak menerusi undian berkomputer atau lain-lain kaedah yang sesuai yang akan dikendalikan oleh satu Jawatankuasa yang ditetapkan oleh Bank Rakyat.

3. Pelanggan yang memenuhi syarat yang dinyatakan berpeluang dipilih sebagai pemenang.
4. Setiap peserta hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja sepanjang tempoh kempen berlangsung.
5. Pemilihan pemenang adalah muktamad. Semua bentuk rayuan dan bantahan tidak akan dilayan.
6. Pemenang akan dimaklumkan selepas kempen tamat menerusi panggilan telefon daripada Pusat Panggilan Bank Rakyat atau pengumuman melalui laman sesawang Bank Rakyat atau lain-lain medium atau cara yang dirasakan sesuai oleh Bank Rakyat. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atau gagal menghubungi kembali bagi urusan tuntutan hadiah.
7. Bank Rakyat akan menggunakan maklumat semasa yang terdapat dalam rekod Bank Rakyat bagi tujuan pengurusan hadiah pemenang serta urusan surat-menyurat (sekiranya perlu).
8. Individu yang telah diisytiharkan sebagai pemenang namun mendapati Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) atau Akaun Pelaburan-i Bank Rakyat mereka telah ditutup atau tidak aktif selepas pengumuman pemenang dikeluarkan secara rasmi perlu mengambil tindakan berikut dengan kadar segera.
 - a. Membuka Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) atau Akaun Pelaburan-i yang baharu atau;
 - b. Mengaktifkan Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) atau Akaun Pelaburan-i sedia ada yang tidak aktif.

Pemenang akan dianggap tidak berminat sekiranya tiada tindakan dilakukan selepas **empat belas (14) hari** dari tarikh penerimaan makluman daripada pihak Bank Rakyat. Hadiah tersebut akan dilupuskan/dilucut hak oleh pihak Bank Rakyat.

9. Pemenang yang berdepan dengan tindakan pembekuan akaun, berstatus muflis, disenarai hitam atau lain-lain tindakan daripada pihak Bank Rakyat sebelum atau semasa proses pemilihan pemenang dilakukan, tidak layak untuk menerima atau menuntut hadiah kempen yang ditawarkan.
10. Bank Rakyat boleh memilih pemenang yang layak daripada senarai menunggu atau simpanan sekiranya pemenang akhir yang dipilih bagi kempen ini enggan menerima hadiah yang ditawarkan, tidak memberi kerjasama semasa dihubungi (sekiranya perlu) dan alasan munasabah lain yang membolehkan Bank Rakyat untuk memilih pemenang lain daripada senarai menunggu atau simpanan.

11. Bank Rakyat boleh membatalkan hadiah bagi pemenang yang tidak memberi kerjasama semasa dihubungi (sekiranya perlu) bagi tujuan pengesahan atau gagal dihubungi secara berkala dalam masa **tiga puluh (30) hari** selepas pengumuman rasmi pemenang dibuat.

E. LAIN - LAIN

1. Dengan menyertai kempen ini, pelanggan bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat, yang boleh didapati di www.bankrakyat.com.my.
2. Dengan menyertai kempen ini, pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang akan dibuat oleh Bank Rakyat adalah muktamad, terikat dan menyeluruh.
3. Dengan menyertai kempen ini, pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank Rakyat, anak-anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana medium atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.
4. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank Rakyat atau medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan itu hendaklah berkuatkuasa selepas notis dikeluarkan. Pelanggan adalah bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan, pemotongan atau penambahan tersebut.
5. Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak atau menyiarkan nama dan gambar peserta atau pemenang untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
6. Bank Rakyat boleh menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan, manipulasi dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat.
7. **PENAFIAN: TERTAKLUK PADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN**

PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN PELANGGAN DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PELANGGAN TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.

8. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau mana-mana medium komunikasi.
9. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
10. Terma dan Syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
11. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my.

-TAMAT